

12/08/1998

Penduduk dinasihat usah percaya khabar angin

ALOR STAR, Selasa - Penduduk Kedah dinasihatkan jangan percaya penyebar khabar angin yang semata-mata bertujuan memecah perpaduan rakyat berbilang kaum dan menghancurkan negara.

Malah sebagai penduduk, mereka wajar memperbetulkan semula khabar fitnah itu disamping melaporkan kepada pihak berkuasa supaya tindakan boleh diambil terhadap mereka yang tidak bertanggungjawab itu.

Pengerusi Jawatankuasa Penerangan dan Belia negeri, Ghazali Ibrahim, berkata sejak negara mencapai kemerdekaan 41 tahun lalu, rakyat hidup aman dan bahagia.

"Tetapi ditengah kemuncak kebahagiaan itu, ada orang cemburu dan berusaha menghancurkan kehidupan rakyat dan negara.

"Perbuatan itu tidak boleh dibiarkan dan semua penduduk mesti bertindak bersama dengan pemimpin negara, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya kepada Berita Harian di sini.

Ghazali yang baru dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penerangan negeri dalam rombongan Jawatankuasa Exco Kedah minggu lalu, sebelum ini Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar negeri, berkata pihaknya akan turun padang untuk memperbetulkan fitnah atau penyebar khabar angin yang kencang berlaku sekarang.

"Kita mahu rakyat tenang dan tidak mudah melatah, kita mahu rakyat seperti biasa bekerja untuk mengukuhkan ekonomi diri, keluarga dan negara," katanya.

Beliau bersependapat dengan Perdana Menteri, bahawa penyebar khabar angin itu sebagai pengkhianat.

Semalam, Dr Mahathir ketika melawat beberapa projek di Langkawi, berkata "Tak ada apa pun yang berlaku, cuma pengkhianat nak timbulkan huru-hara dengan niat yang tidak baik," katanya.

Khabar angin mengenai rusuhan itu dikatakan disebar pihak tertentu melalui internet dan mel elektronik atau e-mel sehingga meresahkan orang ramai.

Khabar angin itu mendakwa kononnya berlaku suasana di Chow Kit dan Pucong membabitkan pekerja Indonesia mengumpul senjata untuk membuat kekacauan berikutan tindakan kerajaan tidak memperharui permit kerja yang berakhir 15 ogos ini.

Ghazali berkata, rakyat Kedah mesti bersikap adil dan tidak terlalu percaya dengan berita berunsur fitnah.

Menurutnya, beberapa penduduk Kedah yang baru balik dari Kuala Lumpur menafikan ada berlaku rusuhan di Chow Kit dan Pucong.

(END)